

Beri ruang kepada pemimpin muda
Utusan Online
12 April, 2013

KUALA LUMPUR 11 April - Pemimpin Barisan Nasional (BN) yang telah berjasa dan berkhidmat untuk tempoh yang panjang disaran memberi laluan kepada pemimpin-pemimpin muda.

Bekas Setiausaha Agung MCA, Tan Sri Dr. Ting Chew Peh berkata, pengorbanan itu pastinya dilihat lebih murni oleh rakyat yang sentiasa mahukan pembaharuan untuk kebaikan mereka.

"Saya nasihatkan agar semua ahli dan pemimpin parti akur dengan keputusan pucuk pimpinan. Semua perlu sokong keputusan Pengerusi BN (Datuk Seri Najib Tun Razak). Kepentingan parti mesti diletakkan paling atas.

"Jangan lakukan kerja-kerja sabotaj kerana itu memang tidak sihat," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Najib semalam mengumumkan tiga kriteria utama dalam menentukan bakal calon iaitu bebas daripada masalah peribadi, diterima pengundi serta faktor keseimbangan dalam BN.

Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Tan Sri Abdul Rahim Thamby Chik berkata, menyokong dan mendukung aspirasi parti meskipun tidak tercalon adalah perlu agar proses 'pemudaan' UMNO dan BN dapat dilaksanakan.

"Sebagai orang lama dalam parti, suka saya nasihatkan kepada pemimpin-pemimpin lama yang tidak dicalonkan untuk meneruskan momentum kepimpinan mereka dengan membantu calon-calon muda.

"Kita kena ikhlas dalam perjuangan kita, mana lagi penting, parti ataupun diri sendiri, fikir-fikirkan," katanya di sini hari ini.

Sementara itu, bekas Ahli Parlimen Parit Sulong, Datuk Ruhanie Ahmad berpendapat, ahli dan pemimpin BN harus mengakui pilihan Perdana Menteri dalam menentukan calon pilihan raya.

"Pilihan raya akan datang ini adalah paling genting untuk negara dan memerlukan banyak strategi untuk menghadapinya. Paling utama adalah isu calon.

"Kesetiaan anggota semua parti komponen BN juga amat diperlukan selain semangat setiakawan di antara ahli dalam parti," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source : http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130412/px_08/Beri-ruang-kepada-pemimpin-muda#ixzz2a0KGtRQF